

UAE sumbang RM32.58 juta untuk Pahang atasi kesan banjir

LUQMAN HAKIM AB. RAHIM

luqmanhakim.rahim@kosmo.com.my

KUANTAN – Kerajaan negeri menerima sumbangan sebanyak AS\$10 juta (RM32.58 juta) daripada pemerintah Emeriah Arab Bersatu (UAE) dalam usaha untuk menangani kesan kerosakan daripada banjir yang melanda negeri ini awal Disember lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, sumbangan tersebut diterima berdasarkan hubungan persahabatan yang akrab antara Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Putera Mahkota Abu Dhabi, Jeneral Putera Sheikh Mohammed Zayed Al-Nahyan yang terjalin

sekian lama.

Ujarnya, wakil pemerintah negara tersebut akan berkunjung ke negeri ini dalam tempoh terdekat untuk membuat tinjauan terhadap kesan-kesan banjir, seterusnya melakukan penilaian sendiri terhadap cara sumbangan wang yang diberikan itu untuk digunakan.

“Kita sudah terima pengesahan mengenai pemberian sumbangan ini daripada wakil pemerintah UAE dan dalam masa terdekat, mereka akan membuat kajian dan menilai kerosakan akibat banjir.

“Bagaimana wang itu akan digunakan, cara ia dibelanja-



ADNAN

kan, kerajaan negeri tidak terlibat, cuma saya tekankan di sini sumbangan itu merupakan hasil daripada persahabatan baik antara Tengku Abdullah dan Sheikh Mohammed,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara kerajaan negeri dan UAE mengenai penghantaran guru-guru bahasa Arab ke sekolah-sekolah agama negeri ini di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Adnan memberitahu, kerajaan negeri sedang mengumpul senarai penuh pen-

duduk yang terlibat dalam musibah banjir yang melanda baru-baru ini sebelum bantuan diberikan.

Katanya, ia dilakukan dengan teliti bagi memastikan tiada seorang mangsa yang terlibat terlepas pandang daripada menerima bantuan yang bakal disalurkan.

“Kita simpati terhadap apa yang menimpa mereka, jadi berkaitan dengan bantuan, kerajaan negeri tidak akan ambil sambil lewa, jika tidak ada yang akan bising.

“Kita sedang menilai jumlah bantuan untuk diberikan kerana difahamkan, mereka yang terlibat banjir, nak bermula semula perlu wang sekurang-kurangnya RM3,000,” jelasnya.